

**Anggota Umno Perlu Sokong Calon Yang Dipilih Untuk Menang Dua Pertiga - Tun M Bernama
5 Disember, 2012**

BENTONG, 5 Dis (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru semua anggota Umno agar menyokong sesiapa sahaja yang dipilih oleh parti menjadi calon pada Pilihan Raya Umum ke-13 kelak.

Langkah itu, katanya bagi memastikan perpaduan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) dapat dikekalkan, sekali gus menguatkan BN dan memastikan kemenangan dua pertiga dapat dicapai.

"Saya mohon agar semua anggota Umno bersatu dan rapatkan barisan dan menyokong sesiapa sahaja calon yang dipilih parti.

"Sama ada matanya sepet sebelah atau hidung penyek, sokonglah mereka dalam memastikan kemenangan dua pertiga pada PRU-13 kelak," katanya ketika sesi soal jawab pada majlis Bicara Tokoh bersama rakyat di Felda Kemasul, dekat sini pada Rabu.

Dr Mahathir berkata sokongan orang Melayu telah berkurangan akibat perpecahan yang berlaku di dalam parti sehingga menyebabkan Umno, parti yang mewakili orang Melayu di negara ini kalah teruk pada pilihan raya umum 2008.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714142>